


HSSE

BULETIN

ISU 20



MICROSLEEP



MS | 2
MICROSLEEP



MS | 5
LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN COVID-19



MS | 7
TENAGA SOLAR

Definisi 'Microsleep'

'Microsleep' adalah 'terlelap seketika'. Ia tidak dapat dikawal dan berlaku antara 1 hingga 30 saat. Ia terjadi tanpa amaran dan antara penyebab sering berlakunya kemalangan jalan raya. Apabila badan seseorang itu keletihan, otak akan tertidur selama beberapa saat, walaupun mata terbuka dan tangan sedang memegang stereng.

Golongan Yang Berisiko



Individu yang sedang melakukan aktiviti berulang seperti memandu atau menonton televisyen



Individu yang melakukan aktiviti yang tidak memerlukan banyak pergerakan atau 'monotonous' seperti bekerja di hadapan komputer dalam jangka masa yang lama



Individu yang bekerja 'shift' malam

'Simptom'

Lambat bertindakbalas terhadap sebarang maklumat

Penyakit gangguan tidur seperti insomnia dan 'sleep apnea'

Mata berkelip lebih kerap

Menguap berlebihan dan tersentak tiba-tiba



Langkah Pencegahan



Jangan paksa diri terus berjaga jika mengantuk dan badan keletihan



Elakkan tidur lewat malam



Tidur yang cukup iaitu antara 7 hingga 9 jam



Berhenti setiap dua atau tiga jam jika memandu jarak jauh



Memastikan suasana bilik tidur yang baik dan menenangkan



Tidur seketika atau 'power nap' pada waktu tengahari (tidak melebihi 20 minit) jika terlalu mengantuk



Elakkan tidur melebihi 30 minit pada waktu petang



Padam televisyen, lampu dan radio semasa tidur

Tips Semasa Memandu




Berhenti dan berehat di tempat yang selamat



Berbual dengan penumpang



Mengambil minuman berkafein seperti kopi



Mengikuti kajian, waktu puncak mengantuk adalah antara pukul 3 hingga 5 pagi dan 2 hingga 4 petang. Elakkan memandu pada waktu ini

Pensijilan ISO 45001:2018

17 syarikat Kumpulan UMW telah berjaya menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan ISO 45001:2018 pada bulan September 2020. ISO 45001:2018 adalah Standard baharu yang menggantikan OHSAS 18001.

Syarikat-syarikat tersebut (mengikut lokasi perniagaan) adalah :

- **UMW Corporation Sdn. Bhd. (Menara UMW & Shah Alam)**
- **UMW Advantech Sdn. Bhd**
- **Lubetech Sdn. Bhd.**
- **UMW Aerospace Sdn. Bhd.**
- **UMW Industries (1985), Sdn. Bhd., Shah Alam**
- **UMW Industries (1985), Sdn. Bhd., Johor Baharu**
- **UMW Industries (1985), Sdn. Bhd., Bukit Minyak, Pulau Pinang**
- **UMW Industries (1985), Sdn. Bhd., Kuantan**
- **UMW Industries (1985), Sdn. Bhd., Ipoh**
- **UMW Equipment Sdn. Bhd., Shah Alam**
- **UMW Equipment Sdn. Bhd., Johor Baharu**
- **UMW Equipment Sdn. Bhd., Bukit Minyak, Pulau Pinang**
- **UMW Equipment Sdn. Bhd., Kuantan**
- **UMW Equipment Sdn. Bhd., Ipoh**
- **UMW Industrial Power Services, Sdn. Bhd., Shah Alam**
- **UMW Industrial Power Services, Sdn. Bhd., Johor Baharu**
- **UMW Industrial Power Services, Sdn. Bhd., Bukit Minyak**



Dengan pencapaian ini secara keseluruhannya 25 lokasi telah menerima pensijilan ISO 45001 dimana 8 daripadanya adalah di UMW (East Malaysia) Sdn Bhd., dan UMW Industries Sdn. Bhd. di Kuching, Miri, Kota Kinabalu dan Sandakan yang telah menerima pensijilan pada November 2019.

Terima kasih dan tahniah kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan yang telah memberi sokongan dan kerjasama di dalam menjayakan Audit ISO 45001 yang berlangsung dari 27 Julai – 28 Ogos 2020 oleh badan pensijilan, SIRIM QAS International Sdn.Bhd.

HSSE Transformasi - SafeUhub

Laman Web dan Aplikasi HSSE Kini Berwajah Baharu !

Portal atas talian HSSE telah berwajah baharu bermula pada September 2020 yang lebih segar, kreatif, menarik dan penuh dengan informasi. Ia juga telah dikenali dengan nama baharu iaitu 'SafeUhub'.



Bagi memudahkan kakitangan UMW mendapatkan maklumat terkini berkenaan Covid-19, satu Menu baharu telah diperkenalkan iaitu 'Pandemic Updates'.

Langkah 1



Login dan klik 'Pandemic Updates'

Langkah 2



Klik 'Malaysia Covid-19 Cases Updates'

Langkah 3



Informasi terkini Covid-19

Kecederaan Tangan & Jari

Pekerjaan atau Aktiviti Yang Boleh Menyebabkan Kecederaan

- Penyelenggaraan mesin dan jentera
- Aktiviti di bahagian pengeluaran dan pemasangan (production & assembly line)
- Aktiviti di pejabat
- Penyusunan barang-barang
- Aktiviti pembersihan



Faktor Kecederaan



Pencegahan

Mengenalpasti hazard dan risiko di tempat kerja

Sentiasa bekerja dengan mematuhi prosidur kerja selamat yang telah ditetapkan

Memeriksa peralatan sebelum digunakan

Tidak mengganggu sistem peranti keselamatan pada mesin

Memastikan peralatan kerja dan mesin mengikut spesifikasi yang ditetapkan

Pekerja telah diberikan latihan yang secukupnya sebelum mengendalikan mesin dan peralatan kerja

Membekalkan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang bersesuaian kepada pekerja

Pengajaran Dari Kemalangan


Tarikh kejadian : 2 September 2020
 Bilangan hilang hari bekerja : 2 hari

Butiran ringkas kemalangan

Ketika kejadian, mangsa sedang memotong mangga kunci (pad lock) gudang. Pintu gudang tersebut tidak dapat dibuka disebabkan mangga kunci yang tersekat dan rosak. Mangsa telah menggunakan *bolt cutter* bagi membuka kunci tersebut. Kedudukan mangga kunci tersebut yang lebih tinggi daripada capaian pekerja menyebabkan dia kehilanganimbangan badan dan terjatuh. *Bolt cutter* tersebut terlepas dari genggamannya, lalu terjatuh dan menghempap jari kiri mangsa.

Langkah Pembaikan

- Menyediakan pelantar / platform kerja yang sesuai mengikut jenis pekerjaan
- Mengenalpasti hazard dan risiko untuk kerja-kerja yang bersifat tidak rutin (non-routine)
- Memberi taklimat keselamatan dan peringatan kepada pekerja berkenaan prosidur kerja yang selamat



Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19

Tempat Kerja

Pekerja yang tidak sihat mesti berada di rumah



Bekerja dari rumah atau lakukan giliran bekerja secara berjadual

Jalankan mesyuarat secara atas talian. Tangguhkan acara berskala besar



Menggunakan hand sanitizer dan menjaga kebersihan diri

Elakkan berkongsi makanan di tempat kerja



Maklumkan majikan dengan segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan pesakit disyaki (PUI) atau orang yang disahkan positif Covid-19



Amalkan polisi tidak bersalaman



Ikut arahan kuarantin jika diarahkan berbuat demikian oleh majikan atau pihak berkuasa

Pengangkutan Awam

Elakkan menggunakan pengangkutan awam jika bergejala atau disyaki bergejala



Jadilah penumpang tunggal (pengguna e-hailing) untuk mengekalkan penjarakan fizikal termasuk jarak dengan pemandu

Rancang perjalanan untuk mengelakkan kesesakan pengangkutan awam di waktu puncak



Pengguna e-hailing digalakkan untuk meminta pemandu membuka tingkap bagi mengekalkan pengaliran udara yang berterusan

Memakai pelitup muka



Elakkan penggunaan bayaran secara tunai. Gunakan kaedah pembayaran secara *cashless* seperti sentuh dan bayar (touch and pay)



Basuh atau disinfeksi tangan anda sebelum dan selepas melakukan perjalanan

Buka pelitup muka dan simpan di dalam bag kertas atau plastik. **BUKAN**



Cara Simpan Pelitup Muka Semasa Makan



Tenaga Solar

Apa itu Tenaga Solar?

Tenaga solar merupakan Tenaga daripada matahari. Matahari merupakan sumber tenaga utama di dunia ini.

Tenaga solar adalah :

- Sumber tenaga yang diperolehi daripada radiasi cahaya matahari
- Sumber yang boleh diperbaharui atau diganti secara semula jadi
- Sumber ini digunakan untuk menghasilkan arus elektrik
- Tenaga ini boleh ditukarkan menjadi bentuk tenaga haba dan elektrik



KUIZ HSSE ISO 45001:2018



2
SITI NURASHIKIN
MOHD SHAH
UMW CORP



ROSNITA ROSLI
LUBETECH



3
MOHD SHAHLI
LUBETECH



Tahniah Kepada Semua Pemenang!

4
NORAZAH MOHAMAD
ALI@NORDIN
UMW IPS
BULETIN HSSE DIS 2020



5
SYAHRUL FAHMI
DZAFARUDDIN
LUBETECH



6
FADHLI HISYAM
UMW INDUSTRIES (1985)



7
HAZLINDA ZAINAL
ABIDIN
UMW AEROSPACE



8
FATEHATUL SYIFAA
MAULAD WAHI
UMW EQUIPMENT



Apakah Pengurusan Kesenambungan Perniagaan atau Business Continuity Management (BCM)?

Proses mentadbir urus secara menyeluruh yang membolehkan pihak pengurusan mengenalpasti potensi kesan yang boleh mengancam organisasi dan sebagai rangkakerja untuk menangani kesan risiko situasi tersebut.

KOMPONEN BCM



Faedah BCM



Keperluan Latihan



Kos melatih kakitangan untuk pengurusan kesinambungan perniagaan lebih daripada kos yang akan ditanggung sekiranya gagal menangani krisis. Gangguan perniagaan memberi kesan terhadap operasi yang boleh mengakibatkan kekurangan jualan dan kehilangan pendapatan. Dengan mempersiapkan kakitangan dalam menghadapi sebarang tekanan, ianya merupakan suatu pelaburan yang amat berbaloi.

Tanpa latihan, setiap kakitangan akan menangani situasi dengan cara tersendiri justeru mengakibatkan keputusan yang tidak tepat diambil. Pemahaman terhadap tugas dan tanggungjawab yang betul ketika krisis penting untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerugian.

Analisa Kesan Perniagaan (BIA) membantu memahami kesan daripada gangguan terhadap sesebuah organisasi. Tanpa latihan yang betul, BIA yang disiapkan mungkin tidak selari dengan objektif dan keutamaan perniagaan sesebuah syarikat yang akan membuatkan dokumen BIA tidak boleh digunakan.

Pelan Kesenambungan Perniagaan untuk sesebuah syarikat tidak sesuai untuk syarikat yang lain. Membuat pelaburan dalam melatih kakitangan memberikan mereka kepakaran dalam menyediakan Pelan Kesenambungan Perniagaan yang selari dengan operasi syarikat.



TAKLIMAT KESEDARAN ISO 45001:2018
KUMPULAN UMW
(KUALA LUMPUR, SHAH ALAM, JOHOR,
P. PINANG, KUANTAN)
JULAI – OGOS 2020



LATIHAN KEBAKARAN
UMW MIRI
SARAWAK
12 OGOS 2020



BENKEL 'RATIONALIZATION OF UMW
OHS RISK ASSESSMENT'
KUMPULAN UMW
(SHAH ALAM DAN MENARA UMW)
11 SEPTEMBER 2020



LAWATAN ISO 45001: 2018
UMW SANDAKAN
13 -15 SEPTEMBER 2020



LAWATAN AHLI LEMBAGA PENGARAH
UMW KE SAFEHUB DIGITAL CENTRE
UMW SERENDAH
21 SEPTEMBER 2020



AUDIT PEMATUHAN COVID-19
KUMPULAN UMW
SEPTEMBER – DISEMBER 2020



LAWATAN HSSE COUNCIL DAN
PENGAMAL HSSE KE SAFEHUB
DIGITAL CENTRE
UMW SERENDAH
30 SEPTEMBER 2020



DISINFEKSI & NYAHKUMAN
MENARA UMW, KUALA LUMPUR
11 OKTOBER 2020



AUDIT DALAMAN ISO 45001:2018
(VIRTUAL)
UMW SABAH & SARAWAK
7 OKTOBER – 13 NOVEMBER 2020



PENTAKSIRAN RISIKO BUNYI BISING
UMW KUANTAN
27 OKTOBER 2020



UJIAN CALITAN COVID-19 (SWAB TEST)
KYB-UMW, TELUK PANGLIMA GARANG
3 & 10 NOVEMBER 2020



UJIAN CALITAN COVID-19 (SWAB TEST)
BAHAGIAN JENTERA DAN BAHAGIAN
PEMBUATAN & KEJURUTERAAN
UMW SHAH ALAM
16 – 19 NOVEMBER 2020